

Anwar sampaikan 2 kenyataan negara pada sidang BRICS

BERITA HARIAN 5 JUL 2025

m/s: 2

PM bakal kongsi kepentingan perkukuhkan multilateralisme, kerjasama hadapi cabaran global

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menyampaikan dua kenyataan negara pada Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan BRICS Ke-17 hari ini, berkaitan sesi pengukuhan, multilateralisme, ekonomi, hal ehwal kewangan dan kecerdasan buatan (AI).

Pemangku Ketua Perwakilan Kedutaan Besar Malaysia di Brazil, Datuk Mohammad Ali Selamat, berkata Perdana Menteri memulakan lawatan kerja ke Rio di Janeiro, Brazil, hari ini hingga Isnin bagi sidang kemuncak itu.

Beliau berkata, kehadiran Perdana Menteri ke negara itu atas jemputan Presiden Brazil, Luis Inacio Lula da Silva.

"Perdana Menteri akan berkongsi kepentingan memperkukuh multilateralisme dan kerjasama antarabangsa dalam menghadapi cabaran global termasuk dalam isu ekonomi dan perdagangan antarabangsa serta AI.

"Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia menggalakkan kerjasama serantau melalui transformasi digital, tadbir urus AI dan perdagangan lebih inklusif," katanya pada sidang media dalam talian semalam.

Beliau berkata, cabaran dan usaha menangani isu kesihatan global dan perubahan iklim melalui kerjasama antarabangsa akan diberi fokus Perdana Menteri ketika menyampaikan kenyataan negara pada sesi persekitaran, COP 30 dan kesihatan global iaitu pada hari kedua sidang kemuncak itu pada Isnin.

"Perdana Menteri juga akan menekankan usaha ke arah mengukuhkan pembiayaan iklim dan melaksanakan peralihan secara adil dan mampan," katanya menambah, Perdana Menteri turut dijangka mengadakan pertemuan dengan rakan sejawat beliau dari negara anggota dan negara rakan BRICS disela-sela sidang kemuncak itu.

Komitmen teguh Malaysia

Beliau berkata, kenyataan negara oleh Perdana Menteri mencerminkan komitmen teguh Malaysia dalam memperkukuh multilateralisme serta memperjuangkan suara dan kepentingan negara membangun sejajar dengan matlamat teras BRICS 2025.

"Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia akan berusaha memperkukuh jalinan kerjasama antara ASEAN dan BRICS bagi mempertingkatkan kerjasama ekonomi serantau yang menyumbang kepada usaha kolektif ke arah ekonomi global yang lebih adil dan mampan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, penyertaan Malaysia pada sidang kemuncak itu adalah sebagai negara rakan BRICS dan Pengerusi ASEAN 2025, belum ada hala tuju lebih jelas ke arah penyertaan

penuh Malaysia sebagai negara anggota BRICS.

"Mengenai keanggotaan (penuh BRICS) adalah perkara yang dibincangkan secara konsensus antara negara anggota dan setakat ini, kita (Malaysia) belum lagi sampai ke peringkat itu," katanya.

Katanya, sidang kemuncak ini adalah mesyuarat pertama ketua negara dan kerajaan dari negara rakan BRICS, bertepatan 'Memperkuh Kerjasama Selatan Global untuk Tadbir Urus yang Lebih Inklusif dan Mampan'.

BRICS ialah pertubuhan antara kerajaan yang ditubuhkan pada 2006.

Selain Russia, Brazil, India, China dan Afrika Selatan, ia kini turut merangkumi Mesir, Ethiopia, Iran, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Indonesia, Belarus dan Bolivia.

Kazakhstan, Thailand, Cuba, Uganda, Malaysia, Nigeria dan Uzbekistan secara rasmi menjadi negara rakan BRICS pada Januari 2025.

Sementara itu, Mohammad Ali berkata, nilai dagangan semasa Malaysia dan Brazil ketika ini sudah mencecah angka RM20.35 bilion dan menunjukkan peningkatan 14 peratus berbanding tahun lalu iaitu RM17 bilion.

"Brazil antara pasaran utama Malaysia di Amerika Latin bagi peralatan elektrik dan elektronik serta getah Malaysia.

"Sementara dari Brazil pula, kita mengimport daging halal dan gula mentah yang menyumbang kepada keselamatan makanan Malaysia," katanya.



Mohammad Ali